

14 MAR 2003

ULANGAN

BN RANCANG PELBAGAI ACARA SAMBUT JUBLI EMAS PERKONGSIAN KUASA

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Pelbagai acara sedang dirangka oleh Barisan Nasional (BN) bagi menyambut perayaan Jubli Emas ke-50 perkongsian kuasa yang akan diadakan Ogos ini, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Abdullah berkata pelbagai acara sedang dirangka bagi menyambut ulang tahun perkongsian kuasa antara parti-parti komponen BN itu, termasuk perhimpunan di ibu negara.

"Perkongsian kuasa adalah cara kita memerintah Malaysia. Sudah 51 tahun kita mengamalkannya sehingga negara mencapai pelbagai kejayaan dalam bidang ekonomi dan ia (perkongsian kuasa) akan diteruskan sehingga kita mencapai Wawasan 2020," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Abdullah berkata walaupun perayaan itu akan bermula di Kuala Lumpur pada Ogos ini, semua negeri diharap turut menganjurkan acara sambutan di negeri masing-masing.

Ditanya sama ada perayaan ini akan turut dijadikan sebagai acara perpisahan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini, Abdullah berkata, ia bukan majlis perpisahan untuk Dr Mahathir.

Beliau berkata ia adalah majlis untuk menunjukkan kejayaan permuafakatan antara parti-parti komponen BN kerana ia merupakan adalah sukar untuk mentadbir negara dan berjaya dalam ekonomi jika tiada permuafakatan.

-- BERNAMA
MHI MHI LAT